

19 OCT 2003

APEC-MYANMAR/I

NEGARA-NEGARA ASEAN TIDAK SETUJU BINCANG ISU MYANMAR DI APEC

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 19 Okt 19 (Bernama) -- Tujuh buah negara Asean dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) berpendirian teguh bahawa sebarang isu mengenai Myanmar tidak sepatutnya dibincangkan ketika mesyuarat Pemimpin Apec ke-11 esok.

Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra berkata, Brunei, Indonesia, Filipina, Malaysia, Singapura, Thailand dan Vietnam merasakan bahawa Apec hanya perlu memberi tumpuan pada kerjasama ekonomi di kalangan 21 negara anggotanya.

Myanmar bukan satu isu ekonomi. Pendirian Asean ialah ia (isu Myanmar) tidak sepatutnya dibincangkan di sini kerana Myanmar bukanlah isu ekonomi yang berkaitan, katanya kepada pemberita selepas jamuan kerja makan tengahari para pemimpin Asean-7 yang diadakan olehnya di sini.

Para pemimpin itu terdiri daripada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri, yang berada di sini untuk menghadiri mesyuarat dua hari Pemimpin Apec.

Thaksin berkata, pendirian itu dibuat memandangkan permintaan dari Amerika Syarikat dan beberapa sekutunya yang mahukan negara-negara Asia Tenggara memberi tekanan terhadap para pemimpin tentera Myanmar supaya membebaskan pemimpin prodemokrasi yang ditahan, Aung San Suu Kyi.

Apec yang ditubuhkan dalam 1989 telah memberi tumpuan kepada menggalakkan perdagangan dan pertumbuhan ekonomi di lembangan Pasifik. Tetapi terdapat seruan daripada beberapa pemimpin, termasuk Setiausaha Negara AS Colin Powell, supaya isu Myanmar dibincangkan dalam mesyuarat itu.

Powell turut menyeru mesyuarat peringkat menteri Apec untuk memiankan peranan yang lebih besar dalam memerangani keganasan walaupun mendapat tentangan daripada beberapa buah negara, termasuk Malaysia, yang merasakan Apec sepatutnya kekal kepada matlamat asalnya untuk menggalakkan kerjasama perdagangan dan membiarkan perkara keselamatan kepada forum antarabangsa yang lain seperti Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Mengenai langkah AS untuk memperluaskan agenda Apec dengan memasukkan beberapa isu, termasuk keselamatan dan keganasan, Thaksin berkata;

"Kami berpendapat mesyuarat itu sepatutnya dihadkan kepada matlamat asal Apec. Sebarang perkara berkaitan keganasan tiada kaitan kepada matlamat ini, melainkan ia memberi kesan kepada ekonomi."

Katanya, Apec sepatutnya memberi tumpuan pada mengembangkan isu ekonomi dan memudahkan perdagangan di kalangan negara-negara anggota.

Mengenai seruan beberapa pegawai Thai bahawa Matlamat Bogor untuk mencapai liberalisasi perdagangan di kalangan negara-negara membangun di dalam Apec diperketatkan, Thaksin berkata, negara-negara Asean tidak akan membuat desakan sehingga ke peringkat itu.

"Kami tidak akan desak mendapatkan tarikh yang lebih awal. Tetapi saya kagum bahawa banyak negara telah menandatangani perjanjian perdagangan bebas, ini akan membantu mengurangkan sekatan perdagangan lebih awal daripada tahun 2020," katanya. -- BERNAMA

AR FR AHM